

Enam pelajar dakwa dicabul warden asrama

Sinar 31/8/12 MS 58


KUALA TERENGGANU - Enam pelajar lelaki di sebuah sekolah agama swasta di Kemaman mendakwa dicabul oleh seorang warden asrama mereka sejak Mei hingga Julai lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Asisten Komisioner K Manoharan berkata, mangsa yang berusia antara sembilan hingga 14 tahun itu mendakwa, mereka berdepan gangguan seksual melampau sepanjang tiga bulan itu.

"Kesemua mangsa men-

dakwa, mereka dipaksa melakukan perbuatan tidak bermoral oleh suspek berusia 29 tahun itu dan disebabkan tidak tahan melayan kerenah suspek, salah seorang mangsa nekad menceritakan perbuatan keji itu kepada salah seorang guru mereka pada Selasa baru-baru ini.

"Setelah menerima maklumat itu, guru berkenaan membawa kesemua mangsa membuat laporan di balai polis berhampiran pada malam semalam (kelmarin) iaitu kira-kira jam 10 malam," katanya



ketika ditemui di pejabatnya, semalam.

Manoharan berkata, susulan laporan diterima, suspek

“ Kesemua mangsa mendakwa, mereka dipaksa melakukan perbuatan tidak bermoral oleh suspek berusia 29 tahun itu.”

Manoharan

yang berasal dari Kedah dan sudah berkahwin itu ditahan di asrama sekolah terbabit dan kini direman selama tujuh hari

bermula semalam.

Menurutnya, suspek kini ditahan untuk disiasat di bawah Seksyen 377 E Kanun Keseksaan kerana melakukan kelucahan melampau kepada seorang kanak-kanak, yang memperuntukkan hukuman penjara selama lima tahun atau sebatan jika disabitkan kesalahan.

Sementara itu, Manoharan berkata, suspek utama kes pembunuhan kejam seorang warga Indonesia di ladang kelapa sawit di Kampung Tapah, Sungai Tong, Setiu, menyerahkan

diri di Balai Polis daerah (IPD) Setiu, awal pagi semalam.

Katanya, suspek dikenali sebagai 'DolohLeeng Doloh' dan berasal dari Wilayah Yala, Thailand menyerah diri setelah mengetahui dirinya diburu polis selepas gambarnya disebar melalui media.

"Suspek kini direman selama tujuh hari untuk disiasat. Kami yakin dengan penahanan suspek utama, teman wanitanya dikenali 'Mek Na' dipercayai penyebab motif pembunuhan itu turut dapat dikesan," katanya.